

Tidak jejas kerusi jika undi percaya berbeza dengan kepemimpinan parti

Ahli Parlimen BN bebas sokong PM

UM - 1/12/2022 v6:5

Oleh FAHMI FAIZ

fahmi.faiz@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) yang memilih melakukan undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada sesi Sidang Dewan Rakyat 19 Disember ini, tidak akan kehilangan kerusi Parlimen yang dimenangi dalam Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) lalu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, peguam Datuk Firoz Hussein Ahmad Jamaluddin berkata, ini kerana ia selaras dengan Perkara 49A (2)(C), Akta Anti Lompat Parti yang menyatakan: “Seseorang ahli Dewan Rakyat tidak berhenti menjadi ahli Dewan itu menurut Perkara ini hanya disebabkan oleh pemecatannya daripada keanggotaan dalam parti politiknya”.

Justeru menurutnya, mana-mana ahli Parlimen boleh mengundi mengikut pilihan masing-masing.

“Akta lompat parti itu, pada dasarnya tentang isu apabila se-



PEGUAM berpendapat Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) boleh membuat pengundian berbeza dengan parti apabila usul percaya Perdana Menteri dikemukakan pada 19 Disember ini.

seorang ahli Parlimen dilantik sebagai wakil kepada satu parti, untuk kawasan tertentu. Kemudian, dia tinggalkan partinya dan

pergi ke parti lain, atau menjadi seorang ahli Bebas.

“Tetapi ini tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan cara atau-

pun bagaimana seseorang ahli Parlimen itu mengundi di Parlimen. Dalam satu undi tidak percaya di Parlimen, setiap ahli Parlimen ber-

hak mengundi mengikut pendapat atau kehendak mereka,” katanya.

Menjelas lanjut, Firoz berkata, jika tindakan ahli Parlimen BN membuat undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri itu mendorong mereka dipecat oleh parti sekali pun, kerusi Parlimen mereka tidak akan dikosongkan.

Pada masa sama, beliau berkata sebagai ahli Dewan Rakyat, masing-masing diberi kebebasan dan tiada sekatan untuk mengundi di Parlimen.

“Perkara penting adalah, ahli Dewan Rakyat dalam Rang Undang-Undang ini, diberi kebebasan memilih, dan tiada sekatan dan halangan untuk mereka mengundi di Parlimen, mengikut kehendak atau pandangan mereka.

“Mereka tidak kata mereka tidak sokong UMNO atau BN. Mereka juga tak kata mereka mahu keluar UMNO atau BN dan pergi sokong parti lain.

“Apa yang mereka kata, kalau+ kamu mahu saya undi di Parlimen, saya undi macam ini mengikut pandangan masing-masing,” katanya.